

Dr. M diminta henti kritik PM

Oleh ZABRY MOHAMAD,
ANGELINA SINYANG dan
SUFFIAN ABU BAKAR

KUALA LUMPUR 25

Okt. - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad terus mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara terbuka adalah bercanggah dengan prinsip UMNO, kata beberapa pemimpin tertinggi parti itu hari ini.

Malah, mereka mendesak bekas Perdana Menteri itu supaya menghentikan tindakan tersebut sebagai menghormati parti dan Abdullah sendiri yang mengetahui pentadbiran negara dan UMNO.

Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** menyifatkan tindakan Dr. Mahathir itu umpama satu 'hentakan' terhadap pemimpin kerajaan yang boleh menggugat kestabilan politik negara jika dibiarkan berlanjutan.

Menurut beliau, Dr. Mahathir sepatutnya menyerahkan segala keputusan kepada Perdana Menteri untuk mentadbir negara selepas meluahkan apa yang terbuku dalam hatinya pada pertemuan dengan Abdullah di Kompleks Sri Perdana, Putrajaya, Ahad lalu.

Tegas beliati, tindakan bekas Perdana Menteri itu terus mengkritik kerajaan selepas pertemuan empat mata itu amat tidak wajar kerana tempoh pimpinan Abdullah terlalu pendek iaitu tiga tahun untuk dibandingkan dengan era pentadbiran Dr. Mahathir selama 22 tahun.

"Janganlah terus mengkritik Perdana Menteri seperti 'menghentak' beliau sampai tercungap-cungap dan tidak boleh bangun, atau mengkritik sehingga tidak ada ruang untuk beliau membalas.

"Apa yang penting ialah kita mesti memberi peluang kepada Pak Lah untuk terus mentadbir negara. Jika ada yang mengatakan tempoh pentadbiran beliau sudah tiga tahun, Tun (Dr. Mahathir) lagi lama iaitu 22 tahun," katanya kepada pemberita di Muar, Johor.

Isnin lalu, tidak sampai 17 jam selepas pertemuan empat mata selama dua jam antara Abdullah dan Dr. Mahathir, bekas Perdana Menteri itu sekali lagi melmparkan kritikan terhadap Abdullah dan kerajaan menerusi satu sidang akhbar,

Tindakan itu mengejutkan ramai pemimpin UMNO termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO menganggap perbuatan tersebut sebagai tidak wajar dan tidak menghayati semangat ahli-ahli UMNO dan rakyat Malaysia.

Menurut Muhyiddin, tindakan Dr. Mahathir mengkritik pentadbiran kerajaan itu seolah-olah tiada langsung sebarang dasar yang positif dilaksa-

Janganlah terus mengkritik Perdana Menteri seperti 'menghentak' beliau sampai tercungap-cungap dan tidak boleh bangun, atau mengkritik sehingga tidak ada ruang untuk beliau membalas

MUHYIDDIN YASSIN
Naib
Presiden
UMNO

nakan sepanjang tiga tahun Abdullah menerajui pemerintahan negara.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu sepatutnya turut menyebut segala kebaikan yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Abdullah, sebaliknya apa yang diluahkan pada sidang akhbar itu hanyalah kritikan terhadap kerajaan.

"Kenapa apabila Pak Lah dalam usaha memimpin negara, begitu banyak perkara yang dibuat oleh beliau semua tidak betul? Jika semuanya tidak betul, mana pergi yang betulnya dan kenapa ia langsung tidak dijelaskan?"

"Biarlah kerajaan laksanakan apa yang sepatutnya kita buat Mungkin ada antara apa yang diluahkan oleh Tun itu akan diambil kira jika wajar, tapi tidak semua saranan beliau perlu dilaksanakan.

Matlamat

"Jika ini berlaku, susahlah. Keputusan pucuk pimpinan parti tentu ada cara yang berbeza, begitu juga dari segi kepimpinan Pak Lah dan semua Perdana Menteri sebelum beliau termasuk Tun. Masing-masing ada cara tersendiri tetapi matlamatnya tetap sama iaitu membela nasib rakyat," jelas beliau.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Sen Hishammuddin Tun Hussein pula berkata, Dr. Mahathir perlu ada sifat ikhlas dalam diri sekiranya mahu perbalahan itu diselesaikan dan memuaskan hati semua pihak.

"Semuanya berkisar kepada keikhlasan, nak cari jalan penyelesaian mesti ikhlas.

"Dalam hal ini saya rasa setelah memaklumkan (segala yang terbuku dalam hatinya) kepada pengurusan dan selepas pertemuan masih nak teruskan isu ia adalah tidak wajar," katanya kepada TV3 semalam.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Noraini Ahmad menegaskan, parti telah menyediakan platform kepada ahli-ahli untuk menyuarakan sebarang pandangan atau rasa tidak puas hati.

"Tun Mahathir sendiri pun pasti tahu bahawa dalam UMNO kita tidak boleh aibkan pemimpin.

"UMNO ada peraturan yang perlu diikuti. Jika seseorang itu mahu mengkritik atau mengemukakan pendapat, ia boleh dibuat melalui saluran yang sepa-

tutnya seperti mesyuarat, perhimpunan dan Majlis Tertinggi (MT)," katanya ketika dihubungi.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin pula memberitahu, Dr. Mahathir telah membuat perhitungan politik yang silap apabila mendedahkan kandungan pertemuannya dengan Abdullah.

"Sepanjang ingatan saya ini adalah kali kedua perhitungan politik silap dilakukan oleh Dr. Mahathir. (Dahulu) selepas bawa Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) ke (dalam) UMNO untuk menguatkan UMNO, akhirnya UMNO rosak," kata Zainuddin yang juga Ahli Parlimen Merbok ketika dihubungi *Bernamea*.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, semua pihak harus memberi peluang kepada Perdana Menteri menjalankan khidmat dan tugasnya mentadbir negara.

Beliau turut yakin Perdana Menteri yang mempunyai peranan yang sangat penting dalam negara akan diberi peluang seluas-luasnya untuk mentadbir.

Bagaimanapun, katanya, memang menjadi hak bagi mana-mana pihak untuk membuat teguran.

"Namun, teguran itu perlu kita lihat dalam konteks memperbaiki keadaan dan juga menaupkan jurang perbezaan," katanya kepada pemberita ketika menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Tun Dr. Mahathir di The Mines, Seri Kembangan di sini.

Bagi Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali, beliau masih menyimpan harapan untuk melihat Dr. Mahathir dan Abdullah berbaik-baik.

Beliau berkata, penyatuan kedua-dua pemimpin itu amat penting bagi membolehkan orang Melayu dan rakyat Malaysia terus maju pada masa depan.

"Saya masih berharap supaya kedua-dua pemimpin ini dapat bersatu, bak kata pepatah 'carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum Semula'."

"(Penyatuan) kedua-dua pemimpin ini amat bermakna bagi orang Melayu dan juga rakyat Malaysia untuk kita menuju ke tahap negara maju," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di kediaman rasminya di Ipoh, semalam.